



PENYEDIAAN KAWASAN KHAS MEROKOK DI RESTORAN ATAU KEDAI MAKAN DI KAWASAN PBT



Pada 7 Januari 2020, berlangsungnya satu sidang media berhubung Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang menyokong inisiatif Kementerian Kesihatan berhubung arahan larangan merokok di semua tempat makan awam bermula 1 Januari 2020.

Dalam sidang media ini, YB Puan Hajah Zuraida, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan meminta semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara untuk menyediakan kawasan khas merokok di kawasan yang bersesuaian. YB Zuraida juga menegaskan usaha ini dilaksanakan bagi memahami keperluan golongan perokok dalam memberi ruang mereka melakukan aktiviti itu dalam tempoh 'peralihan' peraturan berkenaan. Selain daripada itu, bagi pemilik restoran atau kedai makan (persendirian), KPKT mempunyai garis panduan yang akan dikeluarkan berhubung perkara terbabit di mana mereka perlu memohon kebenaran daripada PBT untuk membina kawasan khas merokok dalam skala kecil termasuk premis yang berada dalam lot kedai.



Sehingga kini KPKT sudah mempunyai model kawasan khas merokok yang dibina di Senario Ampang iaitu mempunyai dua pondok (*booth*) kawasan merokok dengan kelengkapan bumbung, tempat duduk dan tempat membuang puntung rokok. Kawasan tersebut perlu

mempunyai bumbung, tempat duduk dan tempat membuang puntung rokok serta mereka boleh membinanya secara berkongsi (jika dalam satu lot bangunan itu terdapat lebih daripada sebuah restoran) dengan kos tanggungan mereka sendiri.

Kawasan khas merokok yang disediakan hendaklah berada di luar premis makan dan sekurang-kurangnya 3 meter dari meja makan makan yang terdekat dan sebarang makanan atau minuman tidak boleh disediakan, dijual atau dihidang di dalam kawasan merokok tersebut bagi mematuhi Peraturan Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat